



UB 17.10.2021 P.04

DIHARIPERTAMA, Starla sudah diarah membersihkan bilik Tuan Budiman, Pengarah Kanan Syarikat Pengangkutan TransBorneo Berhad. Terdapat beberapa fail terbiar di atas meja dengan helaian kertas terjual keluar dari fail-fail tersebut.

Matanya tertumpu kepada kandungan salah satu kertas tersebut. Digambarnya kandungan kertas itu. Pintu almari tempat menyimpan fail tidak tertutup sepenuhnya. Kedudukan kerusi pula tersasar jauh dari meja.

Cawan atas meja masih ada baki minuman kopi semalam. Ada tumpahan melekit atas meja. Starla mula menggambarkan Tuan Budiman yang serabut wajahnya, perut memboroi dan warna baju yang tidak sepadan dengan warna seluar.

Dia ada setengah jam untuk mengemaskan bilik itu. Mungkin Puan Suraya yang menemuduganya sengaja menugaskannya menjaga bilik Tuan Budiman. Sebab tawaran kerja itu adalah khusus untuk bilik Pejabat Pengarah Kanan dan pantri pejabat. Akan tetapi itulah tujuannya memohon kerja sementara tersebut. Dia ingin mendalami kerjaya seorang Pengarah Syarikat. Maka, dia tolak tepi kebisaannya.

Budiman hanya sempat melihat kelibat belakang pekerja wanita pembersih pejabat keluar dari biliknya dari arah pintu masuk pejabat yang terletak di penjuru hujung biliknya. Sebaik sahaja melangkah masuk ke biliknya, dia terpacak sebentar. Haruman wangian hari ini tidak sama seperti hari-hari sebelumnya. Wangian mawar menusuk ke hidungnya. Dia rasa nyaman oleh wangian itu. Dia terus duduk di kerusi dan mengeluarkan laptop di atas meja. Sambil itu dia mencari fail yang belum sempat disiapkannya semalam. Sudah tidak kelihatan di atas meja. Dia mengeluh gusar. Dia

terus ke almari dan tercegat lagi. Fail-fail yang selama ini terbiar, sudah pun tersusun rapi. Dia mula berasa tegang. Dia tidak tahu fail mana dimasukkan kertas-kertas notanya semalam. Perubahan mendadak ini tidak disenangnya.

Petang itu, Starla duduk lama di ruang pantri pejabat. Tugas hariannya hanya untuk membersihkan bilik Pengarah Kanan, Tuan Budiman di awal pagi dan ruang pantri pejabat setengah jam sebelum berakhir waktu pejabat. Ketika itulah dia curi-curri masa membaca artikel, rutin hariannya. Tiba-tiba terasa seperti ada orang masuk ke pantri. Dia yang duduk membelakang, memusingkan kepalanya. Bertembungmatanya dengan lelaki itu.

"Awak kah pekerja baharu pembersih pejabat ini?" Budiman memecah sunyi menegjutkan Starla yang terpaku sebentar tadi. "Errrr... ya Encik... saya Starla." Sambil membetulkan tudung baru yang dibelinya semalam dia menjawab pertanyaan lelaki tersebut. "Oh ok. Saya Budi... awak bersihkan bilik saya pagi tadi? Budiman yang mulanya ingin menegur Starla tidak jadi meneruskan niatnya. Wanita itu memiliki paras wajah yang menarik walau pun pakaiannya yang dikenakannya tidak sesuai dengan lintuk tubuhnya dan tudung yang sedikit senget itu tidak membuatkan pandangannya. Masih terserlah ayu wanita itu. "Ya... oh ini Tuan Budiman ya?" Starla menyedari lelaki itu ialah Pengarah Kanan Syarikat. Ternyata sangkaannya kepadanya pagi tadi meleset. Lelaki ini punya wajah yang menyejukkan hati, fizikalnya sangat terurus dan pakaiannya walau pun ringkas tapi sangat sesuai kepadanya. Sambil tersipu Starla bertanya lagi, "ada apa-apa yang tuan Budiman perlukan?" "Eh tak ada apa... er panggil saja Budi... ok saya pergi dulu." Budiman terus bergerak ke arah pintu pejabat. Dia tersenyum sepanjang langkah menuju

ke kereta. Dia rasa hatinya terpanah oleh pekerja wanita pembersih pejabat itu.

Malam itu Starla teringat kertas yang digambarnya. Di lihatnya gambar itu. Lalu dia mencatat sesuatu di atas kertas. "Wah... Tuan Budiman ini mengikuti pengajian lanjutan pula." Starla tersenyum. "Mungkin dia perlu maklumat ini. Tapi apa alasan aku nanti? Tak pa, aku ada cara." Starla mencatat sesuatu sambil memikirkan cara untuk menyampaikan nota kepada Budiman.

Malam semakin larut, di ruang sofa apartmentnya Budiman masih sibuk menaip bagi menyiapkan tugas yang diberikan oleh Profesor penyeliaanya. Walau pun sudah bekerja dengan jawatan yang tinggi dan gaji yang lumayan, Budiman masih bersemangat untuk mengikuti pengajian Doktor Falsafah sepanjang masa. Cuma kadangkala dia buntu sebagaimana lazimnya mereka yang mengikuti pengajian sambil bekerja.

Sudah sebulan Starla bekerja. Setiap minggu dia akan meninggalkan nota di atas meja Tuan Budiman berdasarkan helaian kertas yang sentiasa terjual keluar pada setiap awal minggu. Pada setiap kali itulah Budiman akan bertanya kepada Starla mengenai nota itu. Starla hanya menyatakan bahawa nota itu ditinggalkan di atas kaunter pejabat untuk Tuan Budiman tanpa mengetahui isi dan pengirimannya. Dan sebagai sebahagian dari tugasannya, dia hanya meletakkan nota bersampul itu di atas meja Tuan Budiman. Budiman sangsi dengan jawapan Starla. Jauh dalam sudut hatinya, mesti Starla mengenali siapa yang menulis nota itu sebab hanya Starla yang tahu mengenai nota-notanya yang sengaja dia tinggalkan di atas meja sejak Starla bekerja di pejabat itu. Yang pasti dia amat yakin bahawa itu bukan dari Starla. Sebab Starla hanyalah pekerja wanita pembersih pejabat.

Namun, tidak pula dia berasa hirau dengan orang misteri yang membantu menghilangkan

karkebantuannya. Baginya, sejak ada Starla, dia berjaya meumpukan hal-hal kerjanya di pejabat dengan lebih cepap disebabkan pengajian Ph.Dnya berjalan lancar. Maam hari dia tidak lagi tidur hingga ke lewat malam.

Sidah hampir tiga bulan Starla bekerja di pejabat TransBorneo Berhad. Sepanjang tiga bulan itu, dia selesa dengan kerja sementaranya itu yang kini memasuki minggu terakhir. Tujuannya bekerja di situ juga sudah pun tercapai. Naskhahnya telah pun siap untuk diterbitkan. Dia juga seronok mengemas bilik Budi (Tuan Budiman). Sambil menyetekkan sedikit tudungnya, Starla mengenakan pakaian uniform pekerja pembersih pejabat yang langsung tidak pasan dengan jiwanya. "Tak mengapa. Hanya seminggu saji lagi." Starla memberi senyuman kepada dirinya. Tiba-tiba dia terdiam. Dia seperti berasa sedih meninggalkan kerjanya itu. Dia seronok membersihkan bilik Budi dan meinggalkan nota dari orang misteri kepada Budi. Budi pula sangat disenanginya. Diaperlu pendam perasaannya dan lupakan Budi buat sementara waktu. Perasaan sehdanya mula mengukir senyum kembali. Dia teringat beberapa insiden bertembung dengan Budi.

"Cik Starla, awak nak balik mana? Marilah saya hantar." Sambil menurukan cermin tingkapnya, Budiman menyapa Starla yang sedang berdiri di tepi jalan luar pejabat. "Eh... Tuan Budi... takpa-takpa Tuan Budi, saya sedang tunggu grub ni." Starla yang sedikit terkejut, menolak pelawaan Tun Budi. "Dah tempah (grub)?" Budiman bertanya lag. "Sudah!" Starla pantas menjawab sambil matanya memandang tepat ke arah mata Tuan Budiman.

Sebaik sahaja grab itu sampai, Budiman segera menuju arah pemandunya dan membayar tambang grab bagi pihak Starla. Dia menyuruh pemandu berlalu pergi. Starla terkejut dengan parkara yang

berlaku. Hatinya tersentuh oleh tindakan Budiman. Budiman menghampirinya. "Ini minggu ketiga Cik Starla bersihkan pejabat saya. Saya nak hantar Cik Starla balik hari ini sebagai tanda terima kasih saya dan ada benda saya nak tanya dengan Cik Starla." Secara selamba Budiman menyatakan hasratnya tanpa meminta persetujuan Starla. Starla yang masih tergamam ikut sahaja. Dia duduk di belakang. Dia kenai karakter seperti pekerja pembersih pejabat dan Tuan Budiman adalah Pengarah Kanan Syarikat. Budiman garu kepala. "Rumah di mana?" Budiman bertanya ketika menghidupkan enjin. Starla lekas-lekas menjawab "saya sebenarnya nak ke pasar malam sebelum ke rumah. Rumah saya dekat pasan dengan jiwanya." "Tak mengapa. Hanya seminggu saji lagi." Starla memberi senyuman kepada dirinya. Dia tidak mahu Starla rasa tertekan seolah-olah dia menuduhnya yang memaklumkan isu yang dihadapi oleh pejabat berdasarkan kertas dari fail yang sentiasa terjual keluar itu kepada orang ketiga. Sebelum Starla sempat menjawab, Budiman bersuara lagi. "Tolong jangan panggil saya Tuan Budiman ya. Panggil Budi saja. Kanda banyak kali saya ingatkan." "Maafkan saya Budi... err Tuan Budi." Starla memandang cermin depan. Matanya dan mata Budiman terperangkap lagi. Soalan Budiman terus tertangut begitu sahaja selepas itu kerana keduanya melayan magis yang berlaku dari pertembungan mata mereka.

Sejak peristiwa itu, Budiman sering buat-buat terserempak dengan Starla di pantri. Kadang-kala dia

lambat-lambat berada dalam kereta menunggu Starla keluar dari pejabat. Cumanya, Starla masih bertahan dengan karektornya sebagai wanita pembersih pejabat. Pelbagai alasan diberikan untuk menolak tawaran Budiman menghantarnya. Budiman sering kecewa tetapi dia tidak hampa. Starla sentiasa menolak pelawaannya dengan senyuman. Tudungnya yang sentiasa senget itu membuatkan Budi sedikit terhibur.

Petang Jumaat, dia letakkan sesuatu yang istimewa sebagai hadiah kepada Starla dalam bakul hadiah yang disangkut pada tombol masuk ke biliknya. Dia tempah khas hadiah itu kerana itulah yang sentiasa menyebabkan hatinya terhibur bila bertemu Starla. Pintu sengaja dibiarkan terbuka sedikit agar Starla menutupnya dan menyedari ada sesuatu yang perlu diambilnya. Ditulisnya "kepada Orang Misteri melalui Starla."

Ketika melangkah masuk ke pejabat, Budiman melihat dari arah pintu masuk ruang pejabat seorang wanita pembersih pejabat keluar dari biliknya. Wanita itu bukan Starla. Dia terus mendail nombor telefon Puan Suraya, Ketua Kerani. Dari Puan Suraya dia baru tahu yang Starla hanyalah pekerja sementara sahaja untuk tempoh 3 bulan. Dia betul-betul tidak tahu Jumaat lepas adalah hari terakhir Starla. Dia berasa kecewa kerana Starla pergi begitu sahaja. Ketika memasuki pejabatnya, beg hadiah yang ditinggalkannya sudah tidak ada. Dia tersenyum tapi hambar.

Ketika memasuki bilik Viva, Budiman perasan ada dua orang penilai dalam akan mengadili tesisnya. Dia juga dimaklumkan seorang Profesor penilai luar yang akan turut hadir. "Mungkin belum sampai agaknya dia." Desis hati Budiman. Dia melangkah masuk dengan penuh keyakinan dan mengambil tempat bersedia untuk membuat pembentangan pada bila-bila masa. Mereka



BIODATA PENULIS
Karya
Dr Jakaria Dasan
DR JAKARIA DASAN merupakan seorang pensyarahkanankursus komunikasi korporat di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakauan Universiti Malaysia Sabah. Anak kelahiran Teluk Mengkabong Turan Sabah ini mempunyai hobi menghasilkan penulisan kreatif seperti cerpen dan puisi. Selain itu beliau juga turut menulis rencana yang disiarkan dalam akhbar tempatan dan kebangsaan.

hanya menunggu penilai ketiga. Dalam kesempatan itu, Budiman teringat Starla yang hilang tanpa kesan setelah enam bulan berlalu. Budi Starla banyak membantunya sehingga berjaya ke peringkat Viva itu. Dia nekad untuk mencari Starla selepas menamatkan pengajiannya. Dia yakin dapat mengharungi Viva dengan jayanya.

Tiba-tiba pintu bilik Viva terbuka dan muncul penilai ketiga, profesor wanita yang ditunggu. Budiman tersentak dari lamunan dan tergesa-gesa membetulkan pakaiannya bersedia untuk membuat pembentangan. Ketika menyampaikan saluti kepada para penilai. Matanya terhenti pada tudung jenama Duck yang dipakai oleh Professor Wanita itu yang seperti menyembunyikan mukanya di sebalik Tesisnya. Ketika mata bertentang mata, Budiman perasan profesor wanita itu sangat iras wajahnya dengan Starla. Dia menghela nafas panjang, tudung jenama Duck juga senget dipakai professor wanita itu.